

BAHANA PENYALAHGUNAAN

Teknologi dan Media

Penggunaan teknologi dan media dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada masa ini telah menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Namun begitu, terdapat kebaikan dan keburukan penggunaan teknologi dan media kepada masyarakat itu sendiri.



Terdapat segelintir pengguna yang tidak bertanggungjawab telah menyemai sikap buruk dalam menggunakan teknologi dan media untuk kepentingan diri sendiri dan tidak mengawal tingkah laku semasa menggunakan teknologi dan media. Individu ini juga telah menggunakan teknologi dan media dengan tiada batasan had sehingga memberikan impak negatif terhadap pengguna yang menggunakan teknologi dan media dalam kehidupan harian mereka. Oleh sebab itu, penggunaan teknologi dan media seharusnya digunakan dengan sebetulnya agar dapat memberikan kesan positif kepada masyarakat pada masa ini dan generasi akan datang.

Antara kesan buruk penyalahgunaan teknologi dan media dalam kalangan masyarakat di negara ini ialah penularan ideologi negatif. Dengan berlakunya penularan ideologi negatif tersebut akan menyebabkan keruntuhan akhlak kepada masyarakat kerana bertentangan dengan norma kehidupan seperti budaya hedonisme. Penularan ideologi ini berlaku apabila seseorang itu gagal mengawal diri dan tingkah laku semasa menggunakan teknologi dan media. Selain itu, ideologi negatif tersebut menyebabkan keruntuhan akhlak dan sahsiah diri individu yang terlibat. Satu daripada penyebab

berlakunya keruntuhan akhlak remaja pada masa ini termasuklah hasil daripada bahan dan rancangan yang dipaparkan di media sosial. Keruntuhan akhlak dan sahsiah diri merupakan punca awal kejatuhan sesebuah generasi dari segi pemikiran dan kepercayaan.

Antara kesan terhadap individu yang gagal mengawal teknologi dan media seterusnya, termasuklah menyebabkan berlakunya isu plagiarisme. Isu plagiat merupakan perkara yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat. Isu ini semakin berleluasa pada zaman ini khususnya kepada pelajar sekolah rendah mahupun menengah dan para mahasiswa. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat bukti bahawa isu plagiat telah berlaku dalam kalangan pelajar. Unsur plagiarisme dalam kalangan pelajar siswazah telah dikenal pasti apabila peratus persamaan yang tinggi dikesan ketika mereka menyerahkan tesis sebelum membuat pembentangan bagi mempertahankan tesis masing-masing.

Hal ini menunjukkan bahawa apabila seseorang itu tidak menggunakan teknologi dengan baik, kebarangkalian berlakunya plagiat dalam penulisan adalah tinggi. Akibat permasalahan ini, pelajar tidak mempunyai kemahiran



menulis serta mencari maklumat. Di samping itu, mereka akan turut mengalami kesulitan untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Situasi ini menyebabkan mereka lebih cenderung melakukan amalan yang tidak berintegriti ini.

Antara kesan penyalahgunaan teknologi dan media dalam kalangan masyarakat di Malaysia ialah jenayah siber. Kesannya, jenayah ini telah berleluasa setanding dengan kemajuan teknologi dan media kini. Semakin meningkat penggunaan teknologi dan media, maka semakin bertambahlah kes jenayah siber yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Jenayah siber ini merupakan suatu bentuk perlakuan jenayah yang menggunakan sebarang jenis peranti elektronik melalui sambungan perkhidmatan Internet. Jenayah siber juga menyebabkan manusia menderita dan mengalami kerugian.

Dalam jenayah tipuan siber, menjelaskan bahawa apabila seseorang itu mengintip individu yang lain, mereka sebenarnya telah menyerang mangsa secara mental dan psikologi secara berterusan sama ada sedar atau pun tidak sedar.

Hal ini merupakan perkara yang tidak diinginkan dan menimbulkan gangguan dengan memecah masuk ke dalam kehidupan seharian mangsa sama ada secara fizikal atau mental. Sekiranya berlaku dalam tempoh yang berpanjangan, hal tersebut akan menyebabkan penderaan mental kepada mangsa, walaupun tindakan tersebut tidak menyebabkan kecederaan atau kesakitan fizikal terhadap mangsa. Contoh jenayah siber yang semakin berleluasa termasuklah penggodaman, penipuan siber (*internet fraud*), pemindahan wang secara haram dan pornografi. Oleh itu, jelaslah bahawa penyalahgunaan teknologi dan media membawa kepada peningkatan jenayah siber di Malaysia.

Selain itu, antara kesan penyalahgunaan teknologi dan media dalam kalangan masyarakat, termasuklah kegagalan ahli keluarga dalam menjalankan tanggungjawab sebagai anggota keluarga. Penggunaan teknologi dan media yang tidak terkawal akan menyebabkan hilangnya minat untuk berinteraksi dengan keluarga. Hal ini demikian kerana mereka lebih memberikan tumpuan, meluangkan masa dan perasaan dalam media sosial dan sebagainya.

Smith, Berthelsen dan O'Connor (1997) menjelaskan bahawa Teori Sistem Keluarga dapat digunakan dalam membincangkan hal yang berkaitan dengan media sosial dan teknologi dan komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak. Teori ini menegaskan kemasukan

unsur baharu dalam keluarga secara tidak langsung memberikan kesan kepada masalah komunikasi dan mengganggu fungsi sesebuah keluarga, sekali gus mengalih tumpuan anak-anak terhadap ibu dan bapanya.

Seterusnya, apabila kita menggunakan teknologi dan media tanpa had menyebabkan ahli keluarga itu sendiri gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota keluarga kerana masing-masing sibuk dengan dunia teknologi dan media seperti media sosial, kerja dan sebagainya. Dianggarkan bahawa purata remaja memeriksa telefon pintar mereka adalah sebanyak 80 kali sehari.

Di samping itu, antara kesan penyalahgunaan teknologi yang wujud dalam era globalisasi ini boleh

bersifat perkauman, bebas mencari bahan atau video yang tidak elok di Internet sehingga banyak mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam pergaulan bebas. Hal ini akan merosakkan jati diri mereka serta kemungkinan berlakunya jenayah seks dan sebagainya.

Hal ini telah dibuktikan dengan berlakunya kejadian yang tidak diinginkan berlaku di sekolah memabitkan murid seawal umur tujuh tahun kerana penggunaan teknologi dan media atau Internet tanpa batasan umur kerana ketiadaan aspek keselamatan yang menghadkan kanak-kanak daripada menggunakan teknologi dan media sehingga bertambahnya kes jenayah di Malaysia. Kecenderungan pelajar terhadap faktor yang mengandungi unsur penipuan



Kesan penyalahgunaan teknologi dan media menyebabkan sesetengah remaja menjadi antisosial.

menjejaskan pencapaian akademik kerana kebanyakan pelajar sekolah menghabiskan masa dengan melayari laman sosial yang berbentuk hiburan semata-mata. Mereka tidak peka terhadap kepentingan masa. Masa mereka dihabiskan dengan media sosial serta tidak mempunyai masa untuk membuat latihan yang diberikan oleh guru. Selain itu, pelajar terus terbelenggu dengan sikap malas dan tidak dapat menguruskan masa dengan baik dan tidak berungguh-sungguh untuk menimba ilmu. Kebanyakan pelajar tidak menumpukan atau kurang perhatian kepada pembelajaran menyebabkan mereka ketinggalan dari segi akademik dan gagal menyempurnakan tugas tersebut.

Antara kesan lain termasuklah melibatkan aspek pemikiran yang cenderung ke arah negatif kerana penggunaan teknologi dan media secara berlebihan akibat tiada tapisan had umur menyebabkan mereka melayari laman sesawang dan video yang tidak sesuai dengan usia mereka. Sebagai contoh, mereka melayari laman sosial yang mempunyai unsur lucah, keganasan atau

di laman sosial amat membimbangkan kerana dipengaruhi dengan berita palsu dan fitnah dalam media.

Kesan penyalahgunaan teknologi dan media tanpa disedari turut menyebabkan remaja menjadi antisosial. Mereka begitu taasub dengan teknologi yang ada seperti telefon pintar dan komputer riba. Hal ini menyebabkan mereka kurang bercakap dan enggan bersosial sehingga menyebabkan masa bersama-sama keluarga dan sahabat atau jiran menjadi semakin berkurang. Mereka didapati kurang produktif dan tidak dapat menjalani kehidupan dalam dunia realiti.

Pada hakikatnya, terdapat pelbagai kesan yang mempengaruhi kita apabila teknologi dan media dengan cara yang salah dan menyebabkan pelbagai kesan buruk kepada masyarakat seperti jenayah siber, penularan ideologi negatif dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, rakyat Malaysia haruslah menjadi pengguna yang bijak dan bertanggungjawab agar dapat mengelakkan diri daripada penyalahgunaan teknologi dan media yang menyebabkan kesan buruk yang berpanjangan. □